



اوتيم تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Info

USAHAWAN

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

Edisi 30

ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Usahawan yang Berjaya: Ilmu atau Pengalaman yang Lebih Utama?

Sarah Sabir Ahmad¹, Azfahane Zakaria², Mhd Azmin Mat Seman³

^{1,2}Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Kedah, Kedah, Malaysia

³Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Jitra, Kedah, Malaysia

*Email Penulis:sarah342@uitm.edu.my

Di dalam dunia yang semakin membangun ini, segala aspek kehidupan banyak terkait dengan teknologi. Kehidupan menjadi lebih mudah dengan penggunaan teknologi. Manusia banyak bergantung kepada teknologi dalam melaksanakan tugas harian mereka. Bagi mereka yang ingkar mahupun menolak perubahan teknologi, pastinya akan ketinggalan dan menghadapi kesukaran dalam mencapai kejayaan yang lebih cepat. Hal yang sama dihadapi oleh usahawan pada masa kini. Mereka yang sentiasa memberi alasan apabila diminta mengadaptasi sistem baharu mahupun menggunakan teknologi di dalam transaksi perniagaan akan ketinggalan jauh berbanding usahawan yang sentiasa cenderung mencuba menghadapi perubahan teknologi yang terkini.

Ilmu Pengetahuan atau Pengalaman?

Ilmu adalah pengetahuan yang dipelajari secara formal semenjak dari bangku sekolah sehingga ke universiti. Ilmu matematik, bahasa, sejarah, geografi, kemahiran hidup, sains dan lain-lain adalah teori yang diajarkan oleh guru dan pensyarah di dalam kelas. Rumus dan formula tersebut diperkenalkan dengan harapan ilmu-ilmu tersebut mampu diaplikasi seseorang di dalam kehidupan sebenar tanpa latihan praktikal yang komprehensif diberikan. Ilmu pengetahuan ini sangat berguna untuk menjadikan seseorang mampu berfikir secara rasional, logik dan lebih realistik.

Manakala, pengalaman pula adalah ilmu praktikal yang telah diperolehi seseorang menerusi pengamatan, pemerhatian, gerak kerja dan juga pelbagai usaha yang tidak berjaya yang pernah mereka lalui atau lakukan. Pengalaman ini datangnya dari usaha mahu mencuba sesuatu yang baharu, sikap suka mengambil risiko tanpa rasa putus asa ataupun menyerah kalah. Untuk menjadikan pengalaman itu satu yang berguna, setiap kesalahan akan dijadikan pedoman untuk memajukan setiap langkah yang bakal diambil selepas itu. Bagi seseorang yang berhasrat untuk berjaya, kesalah dijadikan iktibar dan setiap kejayaan dijadikan pula sebagai ransangan hidup untuk kekal memajukan diri.

Kesimpulan

Oleh itu, yang mana satu yang lebih utama? Ilmu pengetahuan ataupun pengalaman? Ilmu teori diperlukan bagi mencetuskan idea-idea yang baharu, manakala pengalaman pula diperlukan untuk merealisasikan sesebuah idea tersebut. Tanpa keduanya, pastinya keadaan akan menjadi tidak seimbang malah kebarangkalian untuk menemui jalan buntu adalah sangat tinggi. Jika seorang usahawan mempunyai sesuatu idea yang bagus yang telah dibina menerusi teori-teori dan pengetahuan, tetapi usahawan tersebut tiada pengalaman bagaimana idea tersebut akan direalisasikan, pastinya idea tersebut akan tinggal idea sahaja atau pun lebih teruk jika idea yang bernas itu menemui kegagalan. Sedangkan, jika idea yang bagus itu, diselitkan dengan pengalaman, pasti boleh mendatangkan keuntungan dan kejayaan kepada usahawan tersebut.

Begitu juga sebaliknya, jika usahawan tersebut tiada idea-idea baharu, tetapi mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pemasaran contohnya, juga tiada pembaharuan akan diketengahkan oleh perniagaannya dan akhirnya pembeli akan beralih kepada usahawan lain yang sentiasa inovatif didalam pengeluaran produk jualan mereka.

Oleh yang demikian, jika ditanya yang mana satukah formula yang lebih utama untuk seseorang usahawan berjaya, jawapannya adalah kombinasi kedua-dua elemen ilmu dan pengalaman akan sentiasa meletakkan seseorang usahawan itu satu langkah ke hadapan yang lain. Ini akan memberikan "*competitive advantage*" kepada usahawan tersebut dan perniagaan beliau akan sentiasa mencuri tumpuan para pembeli mahupun "*reviewer*".



Sumber: <https://martheenglishblog.wordpress.com/2017/05/29/what-impact-does-technology-have-on-mental-health/>

Rujukan

[1] Shaffiz (8 Disember 2009). Pengalaman VS Ilmu Teori: Mana Lebih Penting?, <http://shaffiz.blogspot.com/2009/12/pengalaman-vs-ilmu-teori-mana-lebih.html>